

# Hukum ibu bapa cuai

Metro 5/10/2011 MS 10

## Lindungi nyawa si kecil dengan kuat kuasa Akta Kanak-Kanak 2001

>>Oleh Prof Madya Datin Noor Aziah Mohd Awal

**A**DA banyak perkara berlaku sejak akhir-akhir ini sehingga saya terpanggil untuk menulis.

Pada 22 Julai lalu ketika menunggu kapal terbang ke Langkawi saya membaca kisah pengebumian Nurrachayu Qamarodin yang meninggal dunia kerana dibakar dan mayatnya dipotong empat. Berikutan kejadian itu seorang pengawal keselamatan yang mempunyai lapan rekod jenayah ditangkap dan didakwa.

Saya juga membaca kisah Izzah Athirah Mohd Khir dari Seremban yang meninggal dunia kerana lemas dalam kereta ibunya sendiri.

Sabtu 23 Julai lalu ketika perjalanan pulang dari Langkawi, saya terbaca kisah dua beradik meninggal dunia kerana terjatuh dalam parit ketika perjalanan pulang dari sekolah. Saya melihat gambar seorang ibu dipapah kerana terlalu sedih dengan kematian dua anaknya serentak.

Selepas itu saya terbaca

kawalan.

- Kanak-kanak dilarikan dan diperdagangkan.
- Kanak-kanak yang melakukan kesalahan jenayah.

Akta ini juga memperuntukkan untuk menghukum mana-mana orang (termasuk ibu bapa) yang cuai, abai atau menganiaya kanak-kanak atau menyebabkan kanak-kanak cedera, mati atau mendedahkan mereka kepada risiko yang menyebabkan kecederaan dan mati.

Persoalannya, adakah kita benar-benar berusaha dan berjaya melindungi kanak-kanak? Adakah kita serius dalam usaha menjadikan masyarakat Malaysia bertanggungjawab dan prihatin terhadap kanak-kanak?

Jika isu membabitkan penderaan fizikal dilakukan orang lain seperti pembantu rumah, pengasuh, bapa tiri, ibu tiri, kekasih ibu, ibu saudara atau saudara-mara, kita bersedia menerima hakikat dan menghukum pelaku.

Namun apabila ibu atau bapa tertinggal anak di dalam kereta sehingga anak meninggal dunia, terlanggar anak sendiri, ibu bapa mengunci anak di dalam rumah kerana tidak mampu

mengambil pembantu rumah atau anak meninggal dunia dalam kebakaran, kita terus mengatakan ia suatu kemalangan dan takdir.

Di bawah Akta Kanak-kanak 2001, meninggalkan kanak-kanak tanpa pengawasan orang dewasa adalah satu kesalahan dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman penjara dua tahun atau denda RM5,000 atau kedua-duanya sekali.

Ibu bapa sering kali yakin yang mereka meletakkan keselamatan dan kesejahteraan anak sebagai perkara pertama dan utama. Namun, mereka sering mengakui hanya manusia biasa yang tidak sunyi melakukan kesilapan. Sebagai manusia, ibu bapa sering cuai dalam menjalankan tugas sebagai ibu bapa.

Ibu bapa generasi moden perlu membezakan antara mendisiplinkan anak dengan mendera anak - 'sporting' dengan terlalu mengongkang, mengabai dengan mengajar anak berdikari.

Hari ini ibu bapa moden perlu melalui kursus keibubapaan dan belajar perkara boleh dan tidak boleh dilakukan dalam menjalankan tugas sebagai ibu bapa.



**TRAGIK...**Shafiq dan Syaffiy mengalami kecacatan kekal akibat disimbah asid.

pula kanak-kanak antara yang ditangkap kerana terbabit dalam perarakan haram Bersih dan kanak-kanak yang terpaksa menyanyi atau meminta sedekah untuk mencari wang.

Pada 27 Julai, seorang buruh dijatuhkan hukuman lapasan tahun penjara dan empat sebatan kerana menyimbah asid kepada dua kanak-kanak, Shafiq Haikal, 13, dan adiknya Syaffiy Aiman, 10. Kedua-dua kanak-kanak itu mengalami kecederaan teruk dan kekal.

Semua kejadian yang saya lihat dan baca di akhbar membabitkan kanak-kanak. Menurut Akta Kanak-Kanak 2001, kanak-kanak adalah mereka yang berumur di bawah 18 tahun.

Di Malaysia, kanak-kanak diberi perlindungan khas dan dikawal di bawah Akta Kanak-kanak 2001 yang diluluskan bagi tujuan menjaga kepentingan kanak-kanak. Akta ini mengkategorikan kanak-kanak kepada:

- Kanak-kanak yang memerlukan jagaan dan perlindungan.
- Kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dan pemulihan.
- Kanak-kanak yang di luar



#### TIDAK PRIHATIN...

ibu bapa mungkin menyayangi anak mereka, tetapi sejauh mana mereka memberikan perlindungan sewajarnya?

#### LINDUNGI

**MEREKA...**undang-undang ada, tetapi ia tidak dikuatkuasakan secara efektif.

### AKTA KANAK-KANAK 2001 (AKTA 611) & CHILD ACT 2001 (ACT 611)

HINGGA 30 JUNI 2001

I.B.S.

International Law Book Services

Saya dibesarkan oleh ibu yang mengajar saya untuk tidak menyempuk ketika orang tua bercakap, tidak boleh duduk di serambi jika ada tetamu, jangan bercakap ketika sedang makan dan pelbagai peraturan namun tidak menjadikan saya pendiam atau pemalu.

Hari ini saya menjadi takut dan gusar melihat ibu bapa moden membawa anak-anak berjalan. Jika menjadi tetamu, anak-anak dibiarkan merayau-rayau di rumah orang, membuka peti sejuk, mengetuk piano, melompat ke sana-sini dan tidak boleh duduk diam.

Ibu muda yang menjadi tetamu saya hanya mampu berkata, "Anak saya ni lasak sikit. Tak tahu duduk diam," tanpa dia bangun daripada tempat duduk dan menyuruh anaknya diam dan berkelakuan baik.

Saya juga risau melihat sepasang suami isteri yang leka membeli barang di pusat beli-belah sedangkan anak lelaki berusia empat tahun merayau-rayau seorang diri tanpa kawalan.

Saya tanya anak itu, pegang tangannya dan bawa dia berjumpa ibu bapanya. Peliknya ibunya boleh berkata, "Tak mengapalah kak, anak saya su-

dah biasa dan tak takut orang. Nanti dia tahu cari kami."

Saya teringat satu kes seorang kanak-kanak hilang di pusat beli-belah di Liverpool, England ketika ibunya leka membeli-belah. Kanak-kanak itu ditemui mati berhampiran trek kereta api dan semua kanak-kanak yang menyebabkan kematiannya dihantar ke pusat pemulihan di England.

Bukankah dalam situasi pertama, ibu bapa muda sepatutnya mengajar anak beradab ketika mengunjungi rumah orang dan dalam situasi kedua, ibu bapa muda ini cuai dan boleh dihukum di bawah Akta Kanak-kanak 2001?

Sudah banyak kali saya menegur ibu bapa yang meninggalkan anaknya ketika enjin kenderaan masih hidup. Apabila ditegur kebanyakan ibu bapa muda akan berkata, "Alah, sekejap saja," dan tidak kurang yang berkata, "Alah, sibuklah akak ni. Bukan anak kakak."

Jika ibu bapa secara sengaja membawa anak mereka ke Kuala Lumpur setelah mendengar larangan perhimpunan 9 Julai dan secara sengaja mendedahkan kanak-kanak kepada bahaya dan risiko dice-

derakan, adakah itu takdir dan ketentuan Allah atau salahnya polis yang menghalang mereka berjalan-jalan di Kuala Lumpur secara aman?

Akta Kanak-kanak 2001 lengkap dan padat dengan pelbagai peruntukan untuk memberi kesejahteraan kepada kanak-kanak. Sudah sampai masanya peruntukan ini diaplikasikan tanpa diskriminasi untuk melahirkan masyarakat yang lebih bertanggungjawab. Ibu bapa perlu dan mesti didakwa kerana cuai dan membiarkan anak-anak tanpa pengawasan orang dewasa.

Barangkali kita memerlukan lebih ramai penyibuk seperti saya yang tebal muka jika dimarah atau dimaki kerana hanya mengingatkan ibu bapa bahawa mereka cuai dalam menjalankan tugas sebagai ibu bapa. Ibu bapa mempunyai tanggungjawab berat dalam mengutamakan keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak.

\* Penulis ialah Ahli Majlis Penyelaras Perlindungan Kanak-Kanak Malaysia dan pensyarah di Fakulti Undang-Undang Universiti Kebangsaan Malaysia.